



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

CONFERENCE PROCEEDING

ICITSBE 2012

**1ST INTERNATIONAL CONFERENCE ON INNOVATION
AND TECHNOLOGY FOR
SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT**

16 -17 April 2012



Organized by:
Office of Research and Industrial
Community And Alumni Networking
Universiti Teknologi MARA (Perak) Malaysia
www.perak.uitm.edu.my

PAPER CODE: HC 05

SKIMA WARNA ASAL BANGUNAN WARISAN DI MALAYSIA

Azira Ibrahim¹, Siti Norlizaiha Harun² dan Mohd Zaki Shamsudin³

Faculty of Architecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA (Perak),
Malaysia

^aazira152@perak.uitm.edu.my, ^bsitin009@perak.uitm.edu.my

^czaccey74@yahoo.com

Abstrak

Pemuliharaan warna asal bangunan bersejarah amatlah penting kerana ia dapat memberi satu bukti yang benar tentang sejarah bangunan. Bangunan bersejarah dapat dilihat pada masa kini dengan visual yang sebenar; bangunan bersejarah yang telah dipulihara akan membawa bersama maksud dan transformasi masa lalu yang amat bermakna melalui warna-warna pada fasad dan elemen bangunan. Warna-warna yang dipilih dan digunakan oleh tukang-tukang atau artisan semasa bangunan bersejarah disiapkan, dapat menceritakan sosio budaya masyarakat dan teknologi ketika itu. Apakah warna yang ada pada 1800? Apakah tren atau kesukaan masyarakat pada 1900? Apakah warna bangunan-bangunan pada era kolonial? Perkara ini menjadi tanda tanya memandangkan bukti dan gambaran sejarah tentang bangunan warisan adalah 'hitam putih'. Hari ini warna memainkan peranan penting dalam aspek estetik. Warna dapat menjelas dan menonjolkan karektor bahan binaan seperti merah warna genting, kelabu warna dinding batu dan perang warna kayu. Sebagai contoh: putih untuk gereja, merah untuk balai bomba dan pejabat pos dan biru untuk balai polis. Peranan estetik warna terhadap bangunan bersejarah juga dapat dilihat pada bangunan bersejarah. Sebagai contoh bangunan Sutan Abdul Samad mendedahkan warna bata merah pada keseluruhan fasad bangunan, menyumbang kepada keunikan karektor bangunan ini. Usaha pemuliharaan bangunan yang melibatkan keseluruhan prinsip asas termasuk skima warna telah menghasilkan suasana rupa bandar yang indah dan harmoni serta menonjolkan tren dan skima warna yang dapat dibezakan warna yang asal (bersejarah) dan yang baru.

Kata Kunci: Warna, Pemuliharaan, Asal, Warisan.

Abstract

The conservation of the original colours of historical buildings is critical as it serves as true evidence of the building's history. Historical buildings may be viewed today in their original visuals; conserved historical buildings carry with them meaningful visuals and transformations from the past through colours on façades and building elements. The colours chosen and used by the olden day artisans and tradesmen upon completion of the buildings tell their own stories on the socio cultural and technological aspects of the communities then. What were the colours available in the 1800s? What was the trend or favourites of the communities in the 1900s? What were the colours of colonial-era buildings? These pose question marks as the evidences and historical accounts of heritage buildings were often in 'black and white'. Today, colours play significant roles from the aspects of aesthetics. Colours are able to clarify and enhance the building material character such as roof tile red, brickwall grey and timber brown. For instance: white for churches, red for fire stations and post offices, and blue for police stations. The aesthetical role of colours on historical buildings can also be seen in historical buildings such as the Sultan Abdul Samad building which exposes a brick red colour on the entire building façade; contributing towards the unique character of this building. Efforts in building conservation involving the whole basic principles including the colour scheme have produced a beautiful and harmonious urban landscape that enhances the colour trends and schemes, differentiating the original (historical) colours from the recent ones.

Keywords: Colours, Conservation, Original, Heritage

1. Pengenalan

Bangunan warisan di Malaysia boleh didapati dalam pelbagai warna. Warna memainkan peranan yang sangat penting dalam menonjolkan keunikan sesebuah bangunan. Setiap bangunan warisan mempunyai sejarah dan cerita yang tersendiri. Warna bangunan warisan pada hari ini mungkin bukanlah warna yang sebenar semasa ia dibina. Ia telah melalui beberapa era dimana kemungkinan warna asalnya telah diubah mengikut peredaran masa.

Pengenalpastian warna asal bangunan bersejarah amatlah penting kerana ia bukan sahaja untuk memenuhi prinsip kerja pemuliharaan bangunan tetapi ia adalah proses kerja yang perlu dilaksanakan dalam sebarang projek pemuliharaan bangunan bersejarah. Semenjak 1999 hingga 2005, lebih 30 buah monumen dan bangunan bersejarah telah dipulihara oleh pihak kerajaan (Siti Norlizaiha Harun, 2005). Bilangan ini telah meningkat sehingga 2009. Dalam projek pemuliharaan bangunan bersejarah, salah satu skop kerja ialah membuat kajian skima warna asal bangunan bersejarah. Kaedah konservasi yang dilakukan ialah dengan mengikis lapisan cat, membuat skima (kod) lapisan warna dan membuat analisis kesepadanan warna asal dengan skima warna jenis cat yang dicadangkan. Setelah pemilihan kesepadanan dibuat, baharulah bangunan akan dicat dengan skima warna yang dipilih.

Kejayaan penyiapan projek pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia semenjak 2000 hingga 2010 telah menyumbang kepada keberhasilan atau penemuan skima warna asal bangunan-bangunan bersejarah di Malaysia. Keberhasilan ini sepatutnya dikoleksikan dan diuruskan dalam satu sistem yang lebih sistematik kerana hampir semua bangunan yang telah dipulihara di Malaysia dalam lingkungan umur dan era yang sama. Keberhasilan (skima warna) daripada setiap projek yang telah siap boleh distruktur dan seterusnya dikatelogkan menjadi satu senarai semak yang dapat memandu Konservator Bangunan, Arkitek dan Kontraktor mencari padanan warna yang paling sesuai untuk setiap projek pemuliharaan yang baharu.

2. Kepentingan Warna Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan

Pemuliharaan bangunan warisan merupakan satu usaha yang dilakukan bagi memastikan harta warisan dapat dikekalkan untuk generasi kini dan akan datang. Pemuliharaan bangunan warisan melibatkan beberapa pendekatan dan teknik. Ia melibatkan kefahaman dan aplikasi prinsip pemuliharaan yang dapat memastikan bangunan bersejarah benar-benar dipulihara sebagaimana yang asal. Keaslian merupakan prinsip asas dalam pemuliharaan bangunan warisan. Keaslian terbahagi kepada empat aspek iaitu keaslian seni bina, keaslian bahan termasuk warna dan tekstur bangunan, keaslian kerja pertukangan dan keaslian dalam tata letak (ICROM, 1986).

Menurut Faulkner.W (1972), warna mempunyai pelbagai makna. Warna dapat menjelaskan karektor cahaya seperti dominasi, kejelasan dan kekuatan. Ini bergantung kepada pengamatan pemerhati serta psikologi terhadap warna. Warna adalah komposisi reka bentuk bersama garisan dan bentuk, malahan warna dapat mencorak rupa dan bentuk elemen sama ada pada lukisan, arca atau seni bina. Warna memainkan peranan yang penting semasa zaman purba lagi (prehistoric) apabila manusia menggunakan warna (cat) untuk meluahkan perasaan dan emosi pada permukaan gua. Zaman awal Greek telah menggunakan warna pada bangunan mereka manakala orang-orang Mesir Purba menggunakan warna untuk mengecat patung-patung dan monumen.

Menurut A Ghafar Ahmad (1998) warna bangunan memainkan peranan penting dalam menekankan ciri-ciri yang unik bangunan-bangunan bersejarah. Warna pada elemen-elemen bangunan adalah penting kerana ia mewujudkan satu imej yang jelas untuk bandar-bandar bersejarah. Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh di atas jelaslah bahawa warna telah memainkan peranan yang sangat besar dalam menonjolkan sesebuah bandaraya bersejarah. Sebagai contoh warna merah amat sinonim dengan warna bangunan bersejarah di negeri Melaka. Begitu juga dengan warna bangunan Cheong Fat Tze yang terkenal berwarna biru terletak di Pulau Pinang.

3. Kaedah Kajian Skima Warna

Kajian skima warna asal boleh dijalankan dalam dua kaedah utama iaitu kaedah konvensional dan kaedah berteknologi. Kaedah konvensional adalah kaedah yang biasa digunakan dalam projek pemuliharaan bangunan warisan. Melalui kaedah ini, warna cat asal dikenalpasti melalui kaedah kikisan. Lapisan cat dikikis menggunakan pengikis. Warna asal bangunan akan ditentukan dengan merujuk kepada carta cat dan warna yang terhampir akan dijadikan sebagai rujukan kepada konservator bangunan dalam membuat pertimbangan mengenai warna cat yang akan digunakan sebagai warna bangunan. Kaedah berteknologi adalah kaedah terkini untuk mengenalpasti warna cat asal. Kaedah ini dijalankan sama ada di tapak pemuliharaan bangunan warisan dan dimakmal. Diantara kaedah yang biasa digunakan ialah analisis kimia komposisi cat, pengenalpastian lapisan pigmen dan pemeriksaan mikroskopi.


Tujuan penyelidikan “Skima Warna Asal Bangunan Warisan di Malaysia” adalah untuk mendapatkan skima warna yang sepadan/sesuai yang boleh dijadikan rujukan dalam projek pemuliharaan bangunan bersejarah. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk memaparkan warna bangunan bersejarah di Malaysia (sebelum dan selepas pemuliharaan). Metodologi penyelidikan ini berbentuk kualitatif dengan skop berbentuk analisis dokumen sekunder. Penyelidikan ini dimulakan dengan membuat inventori dan memilih bangunan warisan yang telah dipulihara pada tahun sebelum merdeka. Seterusnya maklumat daripada laporan kajian warna cat projek pemuliharaan bangunan warisan akan dikumpul. Maklumat warna cat yang dikumpul akan disusun dan diklasifikasikan mengikut jenis bangunan. Skima warna cat pula akan distrukturkan mengikut komponen dan elemen untuk setiap bangunan. Proses input data (skima warna) ini dilakukan dengan memetakan (mewarnakan) warna asal bangunan ke dalam lukisan bangunan. Penyelidikan ini akan melibatkan 5 buah bangunan bersejarah yang telah dipulihara. Pemetaan warna asal ke dalam bangunan adalah bagi mendapatkan satu dokumentasi warisan yang lengkap berbanding dokumentasi semasa hanya merekod skima warna semasa proses pemuliharaan sahaja. Setelah proses pemetaan selesai, seterusnya skima warna cat akan diklasifikasi mengikut tahun dan era pembinaan. Akhir sekali cadangan senarai semak skima warna cat bangunan warisan akan dihasilkan.

4. Kajian Skima Warna Bangunan Masjid Kampung Kuala Dal, Kuala Kangsar, Perak

Masjid Lama Kampung Kuala Dal telah dibina oleh Sultan Iskandar Shah iaitu Sultan Perak ke 30 pada tahun 1936. Berdasarkan pahatan tulisan yang terdapat pada papan plak perasmian masjid, mengisahkan majlis perasmian telah diadakan pada hari Jumaat tanggal 10 Zulhijjah pada tahun 1356 Hijrah bersamaan dengan 11 Februari 1938 oleh Sultan Iskandar Syah. Masjid ini telah dibina oleh Sultan Iskandar Syah pada masa itu bersempena menunaikan hajat baginda. Baginda Sultan telah berniat atau bernazar untuk membina sebuah masjid apabila salah seorang daripada anakanda baginda telah sembuh dari gering. Lokasi Kampung Dal menjadi pilihan kerana baginda dan para pembesar serta kerabat DiRaja sering pergi berkelah di Lata Bubu iaitu kawasan perkemahan DiRaja yang berhampiran dengan kampung tersebut. Di dalam perjalanan baginda sering melihat orang-orang kampung tersebut bersembahyang di madrasah yang telah usang. Maka lahirlah rasa belas kasihan baginda terhadap penduduk setempat, dengan itu masjid yang telah siap dibina itu dinamakan Masjid Ikhsaniah Iskandariah

Masjid yang dibina dengan wang ihsan daripada Sultan Iskandar Syah itu menelan belanja sebanyak RM 8,000 dan telah dibina di atas sebidang tanah yang diwakafkan secara lisan oleh seorang bangsawan iaitu Juragan Abdul Syukur bin Mohamad Ali. Pembinaan masjid ini diketuai oleh tukang berbangsa Cina dan dibantu oleh orang-orang kampung tersebut secara bergotong-royong di dalam menyiapkan kerja-kerja mengayam dinding tepas atau kelalai dan ukiran kayu. Tukang kayu mahir seperti Panjang Noh, Ngah Gadoh, Wan Ibrahim dan Kulup Ngah adalah diantara Sembilan individu yang turut menyumbangkan kepakaran dan kemahiran mereka semasa pembinaan masjid dijalankan. Masjid ini mempunyai ciri-ciri seni bina Istana Kenangan di Bukit Chandan dikatakan daripada hasil ilham baginda Sultan Sendiri.

Penyelidikan warna asal cat dibuat pada keseluruhan elemen bangunan yang mempunyai kesan cat asal termasuk dinding kelalai. Proses kajian cat dilakukan dengan mengikis secara cermat dan perlahan sehingga ke lapisan yang terakhir. Warna cat yang dipilih adalah berpandukan kesesuaian skima warna mengikut jenis dan jenama cat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Warisan. Hasil penyelidikan ke dua-dua kajian ini amat bermanfaat dan membantu kepada kerja-kerja pemuliharaan yang sempurna dan teratur. Bangunan ini dapat dipulihara mengikut prinsip keaslian bangunan seperti yang dikehendaki dalam garis panduan dan piagam pemuliharaan iaitu keaslian dalam bahan binaan dan kaedah binaan. Prinsip keaslian yang dilaksanakan ialah keaslian dalam bahan binaan, keaslian dalam reka bentuk dan keaslian dalam kerja pertukangan bangunan. Tujuan prinsip ini ditegaskan dalam kerja-kerja pemuliharaan bangunan adalah bagi memastikan harta warisan dipulihara sebagaimana yang asal dan generasi kini dapat melihat sejarah silam dengan sebenarnya dan bukan pemalsuan.

| Ruang: Tingkap Dalam Bahagian Selatan | | | |
|--|---------|------------------|--------------------------|
| No Rujukan : KKDAL/TDS/09/08 | | | |
|  | Lapisan | Warna | Rujukan Cat |
| | 0 | Warna Kayu | |
| | 1 | Putih | Cat alas |
| | 2 | Kuning (mahkota) | S0580-Y10R (Nuance 0580) |
| Nota: Rujukan : NIPPON PAINT Colour Evolution series 2008 (Berdasarkan warna yang paling hampir) | | | |

Rajah 1 : Contoh kajian skima warna yang dijalankan di tapak projek
 Sumber: Laporan Akhir Masjid Kampung Kuala Dal (2010)

Rajah 1 menunjukkan dinding kayu yang dikikis dari lapisan pertama yang bertanda 0 dan lapisan terakhir iaitu yang bertanda 2. Berdasarkan ujian ini, dapatlah disimpulkan bahawa warna asal bahagian yang dinyatakan adalah berwarna kuning (mahkota).



Rajah 2 : Gambaran Masjid Kampung Kuala Dal sebelum (kiri) dan selepas pemuliharaan (kanan)

5. Kesimpulan

Kajian skima warna asal bangunan warisan adalah satu titik permulaan untuk mengembalikan kembali warna bangunan warisan khususnya di Malaysia. Ia dapat memberikan gambaran sebenar keadaan bangunan warisan semasa ia mula dibina kerana pada waktu itu walaupun bangunan yang dibina berwarna warni tetapi gambaran yang diberi melalui gambar yang diambil dizahirkan dalam warna hitam dan putih akibat kekangan teknologi. Kajian ini telah menzahirkan bangunan dalam bentuk yang berwarna dan akan dikatalogkan untuk rujukan dan panduan pada masa hadapan dengan harapan masyarakat pada masa hadapan dapat menghargai bangunan warisan yang ada di Malaysia. Inovasi yang lebih berteknologi amat perlu dalam proses mengenalpasti warna asal bangunan warisan untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat. Gabungan diantara kaedah konvensional dan berteknologi amat perlu dilaksanakan untuk memastikan warna yang akan diguna pakai pada bangunan warisan adalah warna asal semasa ia mula dibina.

Rujukan

“Historic Colors” dalam lama web www.haymepaint.com.au

“Paint and Color Guideline” dalam laman web www.grapevivetexs.gov, 2010

A Ghafar Ahmad (1998), "Colour in Building Conservation", Kertas kerja dibentangkan di Seminar Colour for Sale, USM 20 Jun 1998.

Engelhardt, R.A. (2008). "First Principles for Conserving Built Heritage; Best Practices dipetik daripada the UNESCO Asia-Pacific Heritage Awards for Culture Heritage Conservation (2000-2004)". Majalah 'Heritage Asia', 5, 20-27.

Engelhardt, R.A. (2009). Hoi An Protocols For Best Conservation Practice in Asia. UNESCO.

Faulkner, W. (1972), "Architecture and Colour", New York: John Wiley and Sons

Feilden, B.M. (2003), Conservation of Historic Buildings, Edisi Ketiga. London; Butterworth Heinemann.

Laporan Akhir Projek Pemuliharaan Masjid Kampung Kuala Dal, Kuala Kangsar Perak, Asli Bina Jaya Sdn. Bhd., Jabatan Warisan Negara; Tidak Diterbitkan

Laporan Kajian Skima Warna Cat Projek Pemuliharaan Masjid Kedai Mulong (2008). Jabatan Warisan Negara; Tidak Diterbitkan.

Laporan Kajian Skima Warna Cat Projek Pemuliharaan Masjid Kg. Kuala Dal (2008). Jabatan Warisan Negara; Tidak Diterbitkan.

Laporan Kajian Skima warna Cat Projek Pemuliharaan Pejabat Pos Lama Ipoh (2009). Jabatan Warisan Negara; Tidak Diterbitkan.

Roger W. Moss (1994) Paint in America: The colors of historic buildings; Wiley and Sons Page 175-176

Siti Norlizaiha Harun (2010), "Authenticity in Conservaton" dalam laman web <http://www.kota-city.blogspot>.

Siti Norlizaiha Harun (2010), "Membangun Warisan Negeri Perak: Pemuliharaan Masjid Lama Kampung Kuala Dal, Kuala Kangsar Perak